

ورقه مانوسكريف ملايو

# Warkah Manuskrip Melayu

Bil. 1/2007

Januari-Jun 2007

ISSN 0128-6897

## KEMPEN PEMBUDAYAAN TULISAN DAN KARNIVAL SEMARAK JAWI DI DEWAN TUN HUSSEIN ONN, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)

Perpustakaan Negara Malaysia dan agensi di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA), telah bekerjasama untuk mengadakan "*Pameran Tulisan Jawi Warisan Bangsa*" sempena Kempen Pembudayaan Tulisan Jawi pada 26-28 Januari 2007. Kandungan pameran ini berkisar mengenai sejarah dan perkembangan tulisan Jawi. Di samping itu pameran ini mengenengahkan biodata dan gambar pejuang tulisan Jawi seperti Pak Matlob dan Za'ba. Bahan-bahan yang turut dipamerkan seperti ilustrasi gambar, majalah, artifak Jawi dan sebanyak tujuh buah manuskrip Melayu seperti *Taj as-Salatin* (MSS 97) dan *Syair Sultan Ahmad Taj* (MSS 95). Slot ini dibangunkan sebagai wadah kepada Kempen Pembudayaan Tulisan Jawi, selain memupuk minat dan mengembalikan nostalgia pengunjung terhadap kepentingan tulisan Jawi sebagai warkah perhubungan di Nusantara suatu ketika dahulu.



"Pameran Tulisan Jawi Warisan Bangsa" sempena Kempen Pembudayaan Tulisan Jawi

## PAMERAN AKSARA “THE PASSAGE OF MALAY SCRIPTS” DI SINGAPURA

Pameran “The Passage Of Malay Scripts” atau Aksara: Menjejak Tulisan Melayu telah diadakan di National Library Board. Penganjur telah mengenalpasti beberapa bahan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang sesuai untuk diketengahkan di dalam pameran tersebut. Senarai bahan-bahan yang telah dipinjam dan dipamer seperti berikut:-

- i. *Aqidah al-awwam* ( MSS 2809 )
- ii. *Dalai'il al-khayrat* ( MSS 1273 ),
- iii. *Hikayat Pendewa Lebur* ( MSS 737 ),
- iv. *Kitab mawlid* ( MSS 819)
- v. *Kifayah al-muhtaj fi al-Isra wa al-miraj* ( MSS 484)
- vi. Replika Batu Bersurat

Pameran ini telah dibangunkan pada 18 Januari sehingga 30 Jun 2007. Pameran antarabangsa ini dibangunkan sebagai menjejak sistem tulisan Melayu semenjak zaman- berzaman seperti tulisan Pallava, Kawi, Jawi dan Rumi.



Orang ramai sedang melawat Pameran Aksara “ The Passage of Malay Scripts” di Singapura



## PAMERAN GENRE SALASILAH DI DALAM MANUSKRIP MELAYU

Pameran ini telah diadakan di Bilik Penyelidikan Pusat Manuskrip Melayu dari bulan April- Jun 2007 dan dibuka kepada orang ramai pada hari Selasa-Jumaat, jam 10.00 pagi – 4.45 petang. Sebanyak 15 buah manuskrip Melayu, di antaranya *Salasilah Tarikat Syattariyah* ( MSS 2391 ) dan *Silsilah Melayu dan Bugis* ( MSS 18 ) turut dipamerkan. Objektif pameran ini ialah memberi kesedaran kepada masyarakat umum mengenai kepentingan genre salasilah di dalam manuskrip Melayu. Selain itu, menjelaskan penggunaan perkataan salasilah, silsilah di dalam kepengarangan manuskrip Melayu dan membantu pengkaji, mempelbagaikan sumber rujukan berkaitan kajian mengenai susur galur dan jurai keturunan.

### MAKLUMAN

#### Kenaikan Pangkat

- Puan Salimah Abdul Rahman, Timbalan Pengarah ( S 48 ) Pusat Manuskrip Melayu telah dinaikkan pangkat ke Jawatan Pengarah Perkhidmatan Maklumat Umum ( S 52 ) berkuatkuasa pada 16 Mei 2007.
- Encik Majid Abdul Hamid, Penolong Pengarah ( S 44 ) Maklumat Digital Malaysiana telah dinaikkan pangkat ke Jawatan Timbalan Pengarah ( S 48 ) Pusat Manuskrip Melayu berkuasa pada 16 Mei 2007.
- Encik Abdul Rahim Elias Pembantu Am Rendah ( N I ) Pusat Manuskrip telah dinaikkan pangkat ke Jawatan Pembantu Am Rendah Kanan ( N II ) berkuatkuasa pada 16 Mei 2007 dan ditukarkan ke Pusat Maklumat Malaysiana.

#### Perolehan Terkini:

- MSS 4045- *Sulam al-mustafidin*
- MSS 4046- *Masail al- muhtadin*
- MSS 4047- *Umdah al-muhtajin ile suluk maslak al- mufridin*
- MSS 4048- *Syair Putera Mahkota*
- MSS 4049- *Surat dari Jenaral Belanda kepada Pengiran Retu*

#### **Penasihat**

Puan Siti Zakiah Aman  
Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

#### **Sidang Pengarang**

Puan Siti Mariani S.M Omar  
Pengarah Perkhidmatan Malaysiana

En. Abdul Majid Hamid  
Cik Effah Imtiaz Zainol

#### **Urusetia**


Perpustakaan Negara Malaysia  
232, Jalan Tun Razak  
50572 Kuala Lumpur  
Tel: 26871700  
Laman Web: <http://www.pnm.my>  
E-mel: [pmm@pnm.my](mailto:pmm@pnm.my)

# INFO MANUSKRIP

## PERKEMBANGAN TULISAN DALAM MANUSKRIP DI NUSANTARA

"Tamadun tulisan orang Melayu mula berkembang dengan kehadiran tulisan Pallava yang dibawa dari India diikuti pula dengan kedatangan Islam yang membawa tulisan Jawi (Arab). Kedatangan orang-orang Eropah pula membawa tulisan Rumi (Rom) ke Alam Melayu ini.

*Petikan ceramah Pembentukan Minda Melayu Melalui Pelbagai Tahap, oleh Prof. Dato' Dr. Zainal Kling, Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.*



Contoh Tulisan Pallava berbahasa Sanskrit  
[http://ms.wikipedia.org/wiki/Tulisan\\_Pallava](http://ms.wikipedia.org/wiki/Tulisan_Pallava)

Sehubungan itu, penulisan bahasa Melayu juga telah dipengaruhi oleh perkembangan tersebut dan terdapat perubahan yang ketara terhadap beberapa jenis huruf yang sering berganti. Keadaan ini telah mempengaruhi evolusi penulisan manuskrip di Nusantara. Tulisan Melayu Kuno ini bermula dengan tulisan Pallava<sup>1</sup>, Kawi<sup>2</sup> dan Nagari<sup>3</sup> dan digunakan secara meluas di kepulauan Melayu pada zaman pra-Islam dan seterusnya penggunaan tulisan Jawi yang meminjamkan aksara Arab dengan menggunakan fonologi Melayu. Tulisan Jawi berkembang dengan kedatangan Islam ke rantau ini, seterusnya tulisan Rumi dibawa oleh penjajah Inggeris ke Tanah Melayu.



Manuskrip Tanjung Tanah, Abad ke-14 di dalam tulisan Kawi. (*Pameran Aksara "The Passage of Malay Scripts"*)



Manuskrip *Kitab Rasi* (MSS 1105) yang menggunakan tulisan Jawi

<sup>1</sup> Aksara Pallava berasal dari aksara Brahmī semasa Empayar Asoka (272-231 SM).

<sup>2</sup> Aksara Kawi pula berkembang dalam abad ke 8 SM

<sup>3</sup> Aksara Nagari sebagai salah satu aksara Gupta